

PM dijangka menghadap Sultan Johor Khamis

BH - 8/11/2019 m/s: 4

➔ Agenda pertemuan mungkin bincang isu peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15

Oleh **Junita Mat Rasid**
junita@nstp.com.my

► **Johor Bahru**

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, dijangka menerima menghadap Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di Istana Bukit Serene, Khamis ini.

Pertemuan itu difahamkan adalah yang pertama antara Sultan Johor dan Dr Mahathir sejak beliau dilantik buat kali kedua sebagai Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), akan turut disertai isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Bagaimanapun mengikut sumber, agenda pertemuan itu

tidak dapat dipastikan tetapi difahamkan akan turut dibincangkan adalah isu peletakan jawatan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Kali pertama diterima menghadap

“Dr Mahathir dan isteri diberi perkenan untuk menghadap Sultan Johor, Khamis ini. Agenda pertemuan itu tidak diketahui, tetapi sudah pasti pertemuan itu menarik perhatian kerana ia adalah kali pertama Perdana Menteri diterima menghadap selepas perubahan kerajaan tahun lalu.

“Perdana Menteri tidak pernah secara rasmi bertemu Sultan Johor sejak tahun lalu, jadi ini pertemuan pertama me-

reka,” kata sumber itu, semalam.

Sementara itu, sumber berkenaan turut menafikan khabar angin mengenai kebimbangan pihak tertentu di Putrajaya bahawa Sultan Johor mahu melaksanakan cara sendiri jika menjadi Yang di-Pertuan Agong.

“Di Johor, Sultan Johor menetapkan setiap Rabu, Menteri Besar, EXCO atau pegawai jabatan kerajaan boleh menghadap baginda bagi mengemukakan sebarang isu atau laporan.

“Terdapat kebimbangan bahawa jika Sultan Johor menjadi Yang di-Pertuan Agong, baginda akan menggunakan cara itu untuk Perdana Menteri dan Kabinet. Perkara itu tidak benar,” katanya.